



# KENYATAAN MEDIA

## MENTERI PERPADUAN NEGARA

### SELAMAT MENYAMBUT DEEPAVALI

Saya dan seluruh tenaga kerja Kementerian Perpaduan Negara ingin mengucapkan Selamat Menyambut Hari Deepavali kepada semua rakyat Malaysia yang beragama Hindu.

Istilah Deepavali adalah gabungan dua patah kata ‘Deepam’ yang bermaksud lampu atau cahaya manakala ‘vali’ pula membawa makna arah atau jalan. Deepavali melambangkan cahaya yang mengatasi kegelapan dan kebaikan yang mengalahkan kejahanatan. Menyalakan pelita-pelita melambangkan harapan dan kesedaran rohani yang dapat menghapuskan kegelapan dalam kehidupan.

Deepavali atau Pesta Cahaya, adalah waktu yang sempurna untuk merenung tentang nilai-nilai perpaduan dan keharmonian dalam masyarakat kita. Deepavali bukan sahaja dirayakan oleh penganut Hindu, tetapi ia juga merupakan satu kesempatan untuk semua rakyat Malaysia yang berbilang kaum dan agama untuk bersama-sama meraikan kepelbagaiannya yang kita miliki. Dalam konteks negara kita, yang kaya dengan warisan dan tradisi yang berbeza, adalah penting bagi kita untuk menghormati dan menghargai setiap perayaan yang disambut oleh semua lapisan masyarakat.

Dalam semangat Deepavali, kita memperkuuh ikatan silaturahim antara satu sama lain, tidak mengira agama, bangsa, atau budaya. Inilah masanya kita merayakan kepelbagaiannya yang menjadi kekuatan negara kita, dan mengeratkan perpaduan yang telah lama terjalin. Keharmonian dan persefahaman inilah asas yang membina negara yang aman dan makmur. Moga semangat Deepavali menerangi jalan menuju masa depan yang lebih cerah untuk semua.

Deepavali Valthukkal!

**YB DATUK AARON AGO DAGANG  
MENTERI PERPADUAN NEGARA  
30 OKTOBER 2024**